

# *Perjuangan Yang Hampir Mati*

**Apa yang mahu ku nanti  
Aku terbunuh jiwaku mati  
Apakah sedar akan yang dicari  
Yang dikejar bagaikan mimpi  
Yang dikendong bercir lari**

**Di mana perjuangan asal yang hakiki  
Kita kini bagai pak turut, si buta pun diikuti  
Membiarkan nafas terjerut  
Hanya sekadar saksi si tamak mengisi perut**

**Diyakini seluruh bumi milik kita  
Ke mana pergi hendak diukir nama  
Pada permukaannya gegak gempita  
Namun isinya kosong tiada bermakna**

**Aku melihat wajah-wajah yang menjadi asbab  
Pada perjuangan yang ku nekad  
Kian hanyut jiwa yang disemat  
dengan indah dunia yang tiada tamat**

**Tiada lagi garisan antara hak dan batil  
Asalkan kena semuanya dibedil  
Adat budaya kian terhakis  
Nilai agama dipandang sinis**

**Masa kita sedikit cuma  
Namun dikejar hiasan dunia  
Apa dijawab bila ditanya  
membiarkan yang dididik hanyut leka  
sedang kita mencuri masa  
demi untuk memuaskan manusia**

*Nukilan Wan Noorli Razali*

# The Team



AP Ir. Dr. Hj. Ahmad  
Rashidy Razali  
Rector



Dr. Norhaslinda Hassan  
Head of Center / Adviser



Wan Noorli Razali  
Chief Editor

## Editors:




Lim Teck Heng



Nazima Versay  
Kudus



Noraziah Mohd  
Amin



Seng Hui  
Zanne



Aileen Farida  
Mohd Adam



Mah Boon Yih  
(Dr.)



Norhaslinda  
Hassan (Dr.)